

BENTUK PENENTANGAN PENDUDUK SARAWAK

1 MENGADAKAN PERSIDANGAN

Dianjurkan oleh Johari Anang dan Sharkawi Osman yang dihadiri oleh perwakilan dari seluruh Sarawak. Objektif persidangan untuk mengadakan demonstrasi pada setiap 1 Julai kerana menentang penyerahan Sarawak kepada British. Disertai oleh Pergerakan Pemuda Melayu (PPM), Barisan Pemuda Sarawak (BPS), Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), Persatuan Melayu Miri, Kesetiaan Muda Matu dan Persekutuan Bumiputera.



2 MENGADAKAN DEMONSTRASI

Demonstrasi pertama diadakan ketika kedatangan Gabenor pertama Sarawak, Charles Arden Clarke di Astana pada 30 Oktober 1946. Diketuai oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dan disertai oleh 16 persatuan Melayu. PKMS mendesak British berundur dari Sarawak. Sepanduk dan poster antipenyerahan ditampal di pokok, perahu dan jeti. Demonstrasi di Sibu diterajui oleh PPM.



3 MELETAKKAN JAWATAN BERAMAI-RAMAI

British mendapati pemimpin antipenyerahan terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam dan guru. British mengeluarkan Pekeliling No. 9/1946 (Circular No.9) pada Disember 1946 yang melarang pegawai awam menyertai gerakan antipenyerahan. Pada 2 April 1947, seramai 409 kakitangan kerajaan meletakkan jawatan termasuk guru serta petugas di Pos dan Telegraf, Jabatan Marin, Kastam, Perubatan dan Kesihatan, Percetakan, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Kerja Raya, Bomba dan Perbendaharaan. Seramai 56 orang pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak menamatkan pengajian sebagai bantahan terhadap Pekeliling No. 9.

4 BANTAHAN GOLONGAN WANITA



Cikgu Lily Eberwein (PKMS), Hajah Sipah Tuanku Othman, Dayang Fauziah dan Cikgu Ajibah Abol. Kaum ibu diketuai oleh Cikgu Lily Eberwein pergi ke rumah panjang untuk mengadakan kempen kesedaran. Cikgu Ajibah Abol mengetuai kaum wanita untuk bergabung tenaga dengan gerakan antipenyerahan dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan Sarawak.

5 MENGGUNAKAN AKHBAR



Utusan Sarawak diterbitkan pada Januari 1949 untuk menyebarkan tentangan terhadap penyerahan Sarawak. Pengarang menggunakan kritikan yang tajam terhadap rancangan penyerahan Sarawak.

6 MENULIS SURAT BANTAHAN

Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) menghantar surat kepada kerajaan British di London bagi menyatakan bantahan terhadap penyerahan Sarawak. BPS menghantar referendum memansuhkan penyerahan Sarawak pada tahun 1949. Mereka menghantar surat bantahan kepada Perdana Menteri British, Clement Attlee dengan salinan kepada Gabenor. Anthony Brooke kemudiannya menentang penyerahan melalui sistem perundangan dengan membuat rayuan di Privy Council. Pada 16 Julai 1948, beliau membawa kes ke Mahkamah Tinggi Brunei. Namun, rayuan tersebut ditolak.

7 MENUBUHKAN KUMPULAN RUKUN 13



Ditubuhkan secara sulit pada 20 Ogos 1948 oleh pemimpin Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) di Sibu dan dipimpin oleh Awang Rambli, Morshidi Sidek dan Bujang Suntong. Sasaran kumpulan adalah untuk menghapuskan pegawai tinggi British di Sibu, Sarawak. Mesyuarat sulit telah diadakan untuk membunuh Duncan Stewart pada 3 Disember 1949 di Sibu.